



UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

PROGRAM OUTREACH PUTERA35
@ UITM PUNCAK ALAM

PADA:

12 OKTOBER 2025 (AHAD)
10.00 PAGI

LOKASI:

UiTM PUNCAK ALAM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

MUKADIMAH

Hadirin sekalian,

1. Hati saya teruja melihat wajah-wajah anak muda yang memenuhi dewan ini - wajah-wajah yang menjadi nadi **masa depan negara**. Sebagai seseorang yang telah lama berada di arus kepimpinan negara, saya percaya, masa depan anak bangsa terletak di tangan dan jiwa kalian semua.
2. Saya faham, ramai di antara kita tertanya-tanya: *Mengapa hari ini kita membicarakan PuTERA35, Pelan Transformasi Bumiputera 2035? Apakah benar satu kerangka dasar seperti ini mampu mengubah kehidupan kita menjadi lebih baik? Mengapa Perdana Menteri sekali lagi menekankan tentang Agenda Ekonomi Bumiputera di dalam ucapan Belanjawan tempohari?*
3. Jawapannya sudah lama tersemat dalam warisan kita. Kejayaan hari ini bukan muncul dari ruang kosong, tetapi dari perjuangan dan usaha gigih generasi terdahulu. Generasi

yang dulu menongkah hutan, membuka laluan dan menabur harapan agar anak kampung, anak petani dan anak luar bandar dapat melangkah ke menara gading. Percayalah, tanpa mereka, kita tidak akan berada di sini hari ini.

4. Lihat sahaja institusi seperti **MARA** dan **UiTM** — ia jauh lebih daripada binaan *brick and mortar*. Ia lahir dari rahim perjuangan dan visi pemimpin masa lampau. UiTM bermula di Jalan Othman, Petaling Jaya, kecil dan sederhana dan kini telah berkembang ke seluruh pelosok negara. Dari titik peluh dan kesungguhan perjuangan itu - UiTM telah melahirkan **lebih 800,000 graduan**, yang kini berjaya di pelbagai sektor: korporat, profesional, industri, pentadbiran negara malah menjadi tunjang kemajuan negara.
5. Oleh itu, apabila saya ditugaskan untuk memacu **Agenda Ekonomi Bumiputera** - saya melihatnya bukan sebagai misi baharu, tetapi sebagai **penjajaran semula dan pengukuhan warisan lama** yang telah ditanam dengan hati dan doa.

6. Lihatlah PuTERA35 sebagai **gasasan baru untuk memperkuat pasak perjuangan generasi terdahulu**, agar tiangnya semakin kukuh, tidak mudah tergoyah, dan mampu menanggung beban harapan masa depan.

“Sebaik-baik benih adalah semangat yang tak padam, biar guruh bergema, tetapi hati terus menyala.”

7. Percayalah, Melayu dan Bumiputera **tidak akan hilang** bila kita terus berjuang, bila kita tak pernah lupa menyemai semangat juang dalam diri generasi muda. Maka hari ini, biarlah api itu menyala kembali.. agar generasi anda semua di hadapan saya - generasi **PuTERA35** bukan hanya mewarisi, tetapi **menyambung, mengangkat** warisan bangsa yang kita sayangi ke tahap yang lebih tinggi!

MENGANGKAT PUTERA35: IKRAR, HARAPAN & TANGGUNGJAWAB

Hadirin sekalian,

8. Jadi, saya menyeru untuk PuTERA35 menjadi **ikrar nasional kita bersama**. Ikrar bahawa ekonomi Bumiputera harus terus berkembang secara **mapan dan inklusif**, agar

tidak ada satu golongan pun tertinggal dalam arus kemakmuran negara.

9. Saya tidak mahu usaha ini mati di tengah jalan kerana kita menjadi selesa, *complacent* hanya kerana dek ratusan juta dana MARA untuk usahawan diberikan, ruang pendidikan selesa seperti MRSM dan UniKL, bantuan KEMAS disalur ke ceruk desa. Ya, dalam segenap aspek, walaupun Kerajaan sentiasa mencari ruang dengan *providing the safety net* – namun realitinya kita masih mempunyai jurang penyertaan, pemilikan dan penguasaan atau 3P yang besar.
10. Contohnya, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera pada hari ini hanya sekitar **18.4%** - jauh dari sasaran 30%. Malah hanya beberapa syarikat mempunyai kepentingan majoriti Bumiputera yang kukuh.
11. **Lebih membimbangkan**, dalam kalangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, hanya **7% sahaja** yang dimiliki majoriti oleh Bumiputera. Daripada **945 syarikat tersenarai setakat tahun 2022**, hanya **62 syarikat** berada di bawah kawalan lebih 50% milik Bumiputera.

12. Lebih merisaukan lagi, dalam tempoh **empat tahun kebelakangan ini**, hanya **satu syarikat Bumiputera** berjaya disenaraikan, berbanding **96 syarikat bukan Bumiputera**. Angka ini jelas menunjukkan jurang penguasaan korporat yang masih begitu besar dan mesti ditangani segera.
13. Namun, melalui **PuTERA35**, kita sudah mula mengorak langkah. Alhamdulillah, kita telah berjaya menyenaraikan **satu lagi syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia**, dan *Insyallah*, menjelang akhir tahun ini satu lagi akan turut disenaraikan. *But, why do we push this?*
14. Kerana apabila kita berjaya mengangkat **credibility and visibility** syarikat Bumiputera di pasaran terbuka, barulah lebih banyak **rangkaian syarikat Bumiputera** akan ikut jejak langkah ini. Hasilnya, ia akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan, kerjaya, dan masa depan yang cerah untuk anak muda yang sedang duduk di hadapan saya hari ini.

USAHAWAN BUMIPUTERA & GENERASI TVET UITM

Hadirin sekalian,

15. *The world of work is no longer the same.* Ia bukan lagi tentang “*cari kerja semata-mata.*” Ramai yang bimbang, “*lepas grad nanti, dapat kerja atau tidak?*” Betul?

16. Tetapi dalam dunia baharu ini, ada ruang lebih besar - ruang untuk anda menjadi **pencipta kerja, pencipta kekayaan, dan pencipta peluang.**

“If we are slow, others will take the lead. But if we move fast, we will lead the way.”

17. *If we don't move fast then we will still remain and maintain* nilai kadar pengangguran Bumiputera yang kini berada pada **4.0%, lebih tinggi daripada kadar nasional. Daripada hampir 388 ribu yang menganggur, 70% adalah belia berumur 15–30 tahun yang majoriti anak Bumiputera.** Ini cabaran besar yang mesti kita tangani, tetapi ia juga peluang untuk kita bangkit bersama.

18. Sebab itu, bila saya fikirkan - ia mampu ditangani dengan **memperkukuh agenda TVET dan keusahawanan secara bersama.**
19. Pertama, dalam dua tahun kebelakangan ini, permohonan ke **institusi TVET melonjak daripada 90,558 kepada lebih 200,000. Kebolehpasaran graduannya kini mencecah 95.1%, dengan gaji permulaan yang lebih baik antara RM2,500 – RM4,000.**
20. Kedua, **Agenda Keusahawanan Bumiputera** juga terus digerakkan bagi **meningkatkan kapasiti dan daya saing usahawan kita.** Contohnya, melalui enam institusi TVET MARA, seramai **442 pelatih teknousahawan** telah dilahirkan dan berjaya menjana jualan terkumpul mencecah **RM120 juta.** Malah, melalui GIATMARA sahaja, sudah lahir sekurang-kurangnya **50 usahawan jutawan.**
21. Apabila kita gabungkan dua kekuatan ini — **TVET dan keusahawanan — ia mampu mengubah seluruh landskap potensi kerjaya negara.** Kita akan melahirkan individu yang bukan sahaja mahir secara teknikal, tetapi juga berjiwa usahawan. Mereka bukan sekadar bekerja untuk

orang lain, tetapi berani membuka perniagaan sendiri, membina peluang baharu, dan **mencipta rantaian ekonomi Bumiputera yang lebih luas.**

22. Di sinilah saya ingin mencadangkan agar UiTM mengangkat agenda ini dan muncul sebagai **Global TVET Entrepreneur University.**
23. Saya tidak bercakap kosong. Kajian **UNDP & ILO** menegaskan bahawa TVET tidak boleh hanya melatih pelajar untuk mencari kerja — ia mesti melahirkan usahawan.
24. Jadi, bayangkan seorang pelajar UiTM Puncak Alam dalam bidang *Architectural Design*, bukan sekadar bekerja di firma orang lain, tetapi menjadi pengusaha yang membina bangunan pencakar langit di tengah kota. Bayangkan graduan UiTM membuka syarikat teknologi, menghasilkan produk halal global, menubuhkan bengkel automasi pintar, bahkan menjejak langkah ke Bursa Malaysia.

25. Saya yakin, dengan sokongan **PuTERA35** melalui pembiayaan, inkubasi dan kerjasama industri, **UiTM mampu muncul sebagai pusat usahawan TVET unggul** di rantau ini.

UITM & MAHASISWA: ENJIN TRANSFORMASI

Mahasiswa yang saya kasihi,

26. Saya harap daripada program hari ini, anda semua bukan lagi dilihat sebagai penerima dasar semata-mata tapi sebagai pencetus masa depan Bumiputera yang jauh lebih baik.
27. Bila saya tengok inisiatif **GenBajet**, dengan hampir **80 cadangan bernas** yang lahir dari mahasiswa sendiri — saya lebih yakin Agenda Transformasi Bumiputera sudah berada di landasan tepat.
28. Saya nak kamu semua ***rise up*** sebagai **Jurucakap Muda PuTERA35**. Jangan berhenti di sini saja. Bawa semangat ini balik ke kampus, ke kolej, ke kampung halaman, dan sebarkan di media sosial — ***make it alive***.

29. Kerana mempromosikan Agenda Bumiputera bukan sekadar terletak pada kertas dasar, tetapi mesti disebut, disambut, dan diperjuangkan oleh anak-anak muda sendiri yang percaya bahawa Agenda Bumiputera **wajib** diperkasa.
30. Percayalah.. kamu bukan sekadar pewaris ilmu, tetapi pewaris perjuangan bangsa. Percayalah.. **jika akar bangsa ini kukuh, pohonnya akan tumbuh rimbun, memberi teduh, dan akhirnya berbuah untuk dinikmati bersama.** Begitu jugalah Malaysia, sebuah negara majmuk yang subur dengan kepelbagaian, tetapi tetap teguh berpaksikan akar yang sama.

PENUTUP

31. Anak-anak UiTM dan generasi muda, ingatlah — kamu bukan penonton dalam kisah negara, tetapi penulis naratifnya. Jangan tunggu masa depan datang; **jadilah kamu pemacu masa depan.**
32. Kalau tidak masakan YAB PM memberikan fokus dan memperuntukkan RM6 billion untuk pendidikan Bumiputera.

33. Jadi, PuTERA35 mesti hidup dalam jiwa. Ia mesti jadi kenyataan menjelang 2035. Buktikan bahawa generasi ini mampu memimpin lebih jauh, berdiri lebih tinggi, dan membawa Malaysia ke mercu gemilang. InsyaAllah.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.